

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai projek-projek infrastruktur luar bandar yang telah diluluskan, sedang dilaksanakan dan dalam perancangan bagi tahun 2019 di Parlimen Puncak Borneo.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah diluluskan peruntukan berjumlah RM241.9 juta untuk pelaksanaan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sarawak pada tahun 2019. Sebanyak 3,950 buah rumah yang disasarkan menerima manfaat bekalan elektrik pada tahun 2019.

2. Di bawah RMK-11 bagi tempoh dari tahun 2016 hingga tahun 2019, sebanyak lima (5) projek BELB telah dilaksanakan di kawasan Puncak Borneo yang telah memberi manfaat kepada 325 pemohon di kawasan tersebut. Projek-projek ini telah disiapkan pada bulan Mac 2019.

NO. SOALAN : 480

3. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2019 untuk pelaksanaan projek baru BELB di kawasan Puncak Borneo.
4. Selain daripada itu, Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Negeri Sarawak (Fasa 7) tahun 2019/2020 dijangka akan dimulakan pelaksanaannya dalam bulan November 2019. Bagi Parlimen Puncak Borneo, kuota sebanyak 200 unit LJK, dengan pecahan 160 unit LJK jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 40 unit LJK jenis *light emitting diode* (LED), akan dipasang di kampung-kampung yang layak di dalam parlimen tersebut. Tempoh pemasangan bagi Program Pemasangan LJK Negeri Sarawak (Fasa 7) Tahun 2019/2020 ini adalah selama 15 (lima belas) bulan.
5. Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), terdapat dua projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak di Parlimen Puncak Borneo yang dalam perancangan bagi tahun 2019.
6. Pertama adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sarawak Zon 3-Serian dengan kos pelaksanaan dianggar sebanyak RM5.3 juta. Kedua adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Puncak Borneo Fasa II, Bahagian Kuching, Sarawak dengan kos pelaksanaan dianggar sebanyak RM129 juta. Kedua-dua projek ini masih dalam penilaian tender untuk lantikan kontraktor.
7. Bagi pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar (JALB) di Parlimen Puncak Borneo, sebanyak satu projek telah diluluskan di dalam Rolling Plan Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) iaitu Projek Membina Jalan Di Kampung Apar By-Pass Dengan Jambatan Bailey Di Sungai Adis, Bau, Kuching, Sarawak. Skop projek yang telah diluluskan adalah menaiktaraf sebuah jambatan dengan kos keseluruhan berjumlah RM15.0 juta. Status semasa projek ini adalah di dalam peringkat rekabentuk dan dijangka tender pada bulan November 2019.